

12/05/2000

Pengurusan parti mesti mantap

KEPEMIMPINAN Umno digesa mengambil tindakan drastik memantapkan pengurusan parti untuk memastikan Umno terus relevan dan diterima rakyat sebagai parti teras dalam politik negara.

Wakil Pergerakan Pemuda Umno, Ismail Tayib, berkata Umno bukan saja perlu melatih barisan kepemimpinan baru, mendekati golongan muda dan merancang pelbagai program pembangunan parti, tetapi mengerah ahli Majlis Tertinggi (MT) untuk membantu Presiden parti menangkis dakwah pembangkang.

Katanya, parti pembangkang dengan pentadbiran dan program pembangunan yang lebih baik sudah berjaya membina kekuatan sehingga mampu merampas sokongan rakyat daripada Umno pada pilihan raya umum tahun lalu.

"Walaupun kerajaan Barisan Nasional (BN) berjaya membangunkan negara dalam semua sektor... jika dikaji pentadbiran Umno masih lemah," katanya berucap menyokong usul ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Umno semalam.

Ismail berkata, bagi menyemai dan memupuk perjuangan Umno di kalangan generasi muda, Umno perlu segera menubuhkan Akademi Kepemimpinan Umno untuk melatih kader parti.

Katanya, Umno sudah jauh ketinggalan berbanding Pas yang menyebarkan pengaruh mereka kepada rakyat sejak pada peringkat kanak-kanak menerusi pusat asuhan dan pada peringkat dewasa menerusi institusi tarbiyah mereka.

"Umno perlu mendekati golongan muda khususnya di institusi pengajian tinggi serta persatuan belia di luar bandar bagi menarik mereka ke dalam perjuangan parti," katanya.

Ismail berkata, Pemuda Umno juga mahu ahli MT memainkan peranan mereka mempertahankan parti daripada serangan pembangkang dan tidak membiarkan tugas itu dipikul Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seorang diri.

Katanya, pergerakan itu kesal dengan sikap sebahagian besar ahli MT yang tidak membantu Perdana Menteri memperjelaskan kepada ahli dan rakyat berhubung isu pemecatan timbalannya.

"Hari ini kita lihat hanya Presiden saja yang bergerak ke hulu dan ke hilir untuk menangkis fitnah pembangkang," katanya.

Ismail berkata, Pemuda Umno juga kesal dengan sikap sebilangan ahli parti yang masih mementingkan diri sendiri dan terus mengamalkan politik wang dan menikam rakan dari belakang semata-mata untuk merebut jawatan dalam parti.

Malah, katanya, perwakilan masih terus meminta wang daripada calon pemilihan sehingga memaksa Perdana Menteri mengarahkan mereka pulang ke kawasan masing-masing.

"Kita baru saja kalah dalam pilihan raya tetapi kita tidak mahu ambil iktibar," katanya.

Ismail juga mencadangkan supaya pemilihan parti di semua peringkat diadakan pada tahun yang sama supaya ahli Umno tidak membazir banyak masa dalam perebutan jawatan parti, sebaliknya menumpukan kepada program pembangunan parti.

(END)